"Imelda receives treatment at a government health clinic once every three weeks. She still made an effort to engage with the Hope Place team during the visit.

"Though slow in speech, Imelda tried her best to respond, knowing that her children's welfare should come first," it added.

According to Mostapa, his

elder child stopped schooling last year, while his younger child did not enter Primary 1 after kindergarten.

The father confessed that he could not afford to send his children to school since he has debts to settle.

"Furthermore, his job is also on the line now since he has been taking leave whenever his wife has a breakdown," said Hope Place.

Mostapa said his children understand their mother's condition, and they are well behaved and try to create a calm and peaceful atmosphere.

He added that his elder child does most of the chores and looks after her younger brother and her mother when he is at

work.

Imelda, who holds a disability card, receives RM300 monthly from the Welfare Department.

Hope Place is providing the family basic food aid and sponsoring their children's education.

The NGO hopes to register the children at a nearby school and will provide school fees, necessities and transportation, if necessary.

Hope Place welcomes all donations and will issue receipt upon request. Donations can be channeled directly to its Maybank account 511289001160 or via the S Pay Global QR code on its Facebook page.

For more information, call Hope Place on [082-505987](tel:082-505987).



Hope Place representative Mary Vun (right) with Mostapa and his family during the visit.



TAJUK : HOPE PLACE TAMPIL BANTU KELUARGA BERDEPAN MASALAH KEWANGAN

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 5 MAC 2024

M/SURAT : 06

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Hope Place tampil bantu keluarga berdepan masalah kewangan

KUCHING: Persatuan Kebajikan Harapan Kuching atau Hope Place tampil membantu sebuah keluarga yang berdepan masalah kewangan di Petra Jaya di sini baru-baru ini.

Ketua keluarga tersebut yang hanya ingin dikenali sebagai Mostapa terdesak menghubungi Hope Place untuk mendapatkan bantuan bagi isteri dan dua anaknya yang masih kecil.

Isterinya Imelda Affendy yang berusia 44 tahun disahkan menghidap skizofrenia pada 2017 dan terpaksa berhenti kerja selepas keadaannya semakin teruk.

Mostapa yang bekerja sebagai pembantu stor kini menjadi pencari pendapatan tunggal untuk isteri dan dua anaknya yang berusia 8 dan 12 tahun.

“Keadaan isteri saya tidak

dapat diramalkan. Jika dia berasa terharu atau tertekan dia akan berhalusinasi perkara yang mengerikan,” katanya kepada wakil Hope Place yang mengunjungi keluarganya baru-baru ini yang menyewa sebuah bilik kecil di Petra Jaya.

Mostapa turut memaklumkan bahawa isterinya mendapat rawatan di klinik kesihatan setiap tiga minggu sekali.

Disebabkan keadaan isterinya yang tidak menentu, anak-anak pasangan ini juga telah berhenti sekolah tahun lepas.

Malah anak lelakinya yang berusia lapan tahun tidak memasuki darjah satu selepas tamat pendidikan tadika.

Keputusan untuk memberhentikan anaknya daripada persekolahan adalah disebabkan oleh masalah kewangan,

kata Mostapa.

Mostapa bagaimana bersyukur isterinya yang merupakan pemegang kad orang kurang upaya (OKU) menerima bantuan bulanan RM300 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Simpati dengan keadaan keluarga Mostapa, Hope Place semasa mengunjungi keluarga ini turut menghulurkan bantuan makanan asas.

Hope Place juga akan menaja sepenuhnya pendidikan kedua-dua anak Mostapa dan berharap dapat mendaftarkan anak-anak ini di sekolah berhampiran apabila sesi persekolahan bermula kelak.

RINGKANKAN BEBAN: Wakil Hope Place tampil membantu keluarga Mostapa (kiri) baru-baru ini.





Bapa saudara galas tanggungjawab jaga Attar Azim

BERNAMA



ATTAR Azim (tengah) membaca doa ketika pengebumian ibu bapa dan dua adiknya di Tanah Perkuburan Islam Felda Trolak Utara. FOTO Muhamad Lokman Khairi

Ipoh: Bapa saudara kepada Attar Azim Syukran Jamil akan menggalas tanggungjawab menjaga kanak-kanak berkenaan yang kehilangan empat ahli keluarga termasuk ibu bapanya dalam kemalangan jalan raya di Kilometer 76.5 Jalan Kota Bharu-Gua Musang dekat Kampung Pah, Kuala Krai, Kelantan pada Sabtu lalu.

Nor Azam Ab Hamid, 45, berkata tugas menjaga Attar Azim berusia sembilan tahun itu yang juga anak arwah adiknya, Syukran Jamil Ab Hamid, 35, akan dilaksanakannya sebaik mungkin.

Nor Azam adalah anak keempat manakala Syukran Jamil anak kelapan daripada sembilan adik-beradik.

"Setelah berbincang, keluarga kami di (Felda) Trolak yang akan menjaga Attar," katanya ringkas ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak Datuk Salbiah Mohamed berkata pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri akan memberikan bantuan yang sewajarnya kepada Attar Azim.

Beliau berkata pihak JKM sudah mengadakan kunjungan ke rumah waris keluarga Attar Azim di Felda Trolak Utara, Sungkai hari ini.

"Kebiasaannya, kita akan memberikan bantuan kanak-kanak, sekiranya waris tiada untuk menjaganya, kita akan tempatkan di rumah perlindungan.

"Insyallah kita akan bantu mengusahakan untuk bantuan kanak-kanak kepada adik Attar Azim," katanya.

Semalam, jenazah Syukran Jamil dan isterinya, Noor Aishah Razali, 35, bersama dua anak mereka, Ahya Rafiqi, 6, dan Lufya Adeena berusia setahun selamat dikuburkan di dalam satu liang lahad kira-kira 11 malam.

Dalam kejadian pada 1.40 tengah hari Sabtu lalu, Syukran Jamil bersama Noor Aishah dan Lufya Adeena disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian, manakala Ahya Rafiqi meninggal dunia ketika menerima rawatan di hospital.

Namun Attar Azim terselamat dan hanya mengalami kecederaan.

Kemalangan dipercayai berlaku ketika Perodua Myvi dipandu Syukran Jamil dari arah Kota Bharu menghala ke Gua Musang bertembung dengan sebuah Nissan March dipandu warga Thailand yang masuk ke laluan dari arah bertentangan.

Kelima-lima mereka dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur selepas menziarahi ahli keluarga dan bercuti di Kota Bharu, Kelantan.



TAJUK :	PENGLIBATAN WANITA DALAM POLITIK BAWA PERUBAHAN KETARA: KHO		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	5 MAC 2024	M/SURAT :	06
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Penglibatan wanita dalam politik bawa perubahan ketara: Kho

SIBU: Setiausaha Politik Premier Sarawak Kho Teck Wan menggalakkan golongan wanita menyertai politik. Menurutnya, penglibatan wanita dalam arena politik berpotensi membawa perubahan ketara dalam masyarakat.

“Setiap orang mempunyai peluang untuk terlibat dalam politik. “Penglibatan politik bukan semata-mata untuk bersosial tetapi lebih kepada membuat keputusan yang boleh membentuk masa depan Sarawak melalui pilihan raya. “Saya menggalakkan se-

mua rakan wanita, tanpa mengira umur, untuk terus mengambil bahagian dalam politik dan berusaha memperkasakan diri mereka sendiri. “Lagipun, jika kita berusaha ke arah masa depan kita sendiri dan bukannya bergantung semata-mata ke-

pada orang lain, wanita boleh memperkasakan diri mereka dan berusaha untuk masa depan yang lebih baik,” katanya berucap menyempurnakan Majlis Makan Malam Sempena Hari Wanita Antarabangsa 2024 anjuran Sayap Wanita Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Cawangan Bawang

Assan di sebuah hotel di sini, kelmarin. Kho yang juga Ketua Sayap Wanita SUPP Pusat menyebut bahawa penyertaan politik sebagai cara yang berkesan untuk membawa perubahan masyarakat. Setiap keputusan individu tegasnya, berpotensi mem-

berikan kesan kepada masa depan Sarawak, menjadikan setiap undian dan penglibatan setiap orang adalah penting. Beliau turut memberitahu bahawa melalui penyertaan politik, individu boleh mengambil tanggungjawab untuk masa depan mereka sendiri. “Sama seperti dalam setiap

mesyuarat tahunan SUPP, desakan konsisten untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) daripada Sekolah Menengah Persenderian Cina bukan sahaja keputusan parti tetapi juga cadangan yang dikemukakan setiap tahun sehingga pengiktirafannya.

Penglibatan wanita dalam politik bawa perubahan ketara

© 2024-03-04T15:40:31+08:00



Kho (tengah) bersama (dari lima kiri) Kevin, Ngu dan Robert serta Wong dan yang lain memotong kek meraikan Hari Wanita Antarabangsa 2024 di Sibu semalam.

SIBU: Setiausaha Politik Premier Sarawak Kho Teck Wan menggalakkan golongan wanita menyertai politik. Menurutnya, penglibatan wanita dalam arena politik berpotensi membawa perubahan ketara dalam masyarakat.

"Setiap orang mempunyai peluang untuk terlibat dalam politik.

"Penglibatan politik bukan semata-mata untuk bersosial tetapi lebih kepada membuat keputusan yang boleh membentuk masa depan Sarawak melalui pilihan raya.

"Saya menggalakkan semua rakan wanita, tanpa mengira umur, untuk terus mengambil bahagian dalam politik dan berusaha memperkasakan diri mereka sendiri.

"Lagipun, jika kita berusaha ke arah masa depan kita sendiri dan bukannya bergantung semata-mata kepada orang lain, wanita boleh memperkasakan diri mereka dan berusaha untuk masa depan yang lebih baik," katanya berucap menyempurnakan Majlis Makan Malam Sempena Hari Wanita Antarabangsa 2024 anjuran Sayap Wanita Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Cawangan Bawang Assan di sebuah hotel di sini, semalam.

Kho yang juga Ketua Sayap Wanita SUPP Pusat menyebut bahawa penyertaan politik sebagai cara yang berkesan untuk membawa perubahan masyarakat.

Setiap keputusan individu tegasnya, berpotensi memberi kesan kepada masa depan Sarawak, menjadikan setiap undian dan penglibatan setiap orang adalah penting.

Beliau turut memberitahu bahawa melalui penyertaan politik, individu boleh mengambil tanggungjawab untuk masa depan mereka sendiri.

"Sama seperti dalam setiap mesyuarat tahunan SUPP, desakan konsisten untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) daripada Sekolah Menengah Persendirian Cina bukan sahaja keputusan parti tetapi juga cadangan yang dikemukakan setiap tahun sehingga pengiktirafannya.

"Selain itu, dasar vaksinasi percuma dicadangkan pada 2022 yang dilaksanakan untuk manfaat seluruh penduduk Sarawak adalah satu lagi contoh cadangan parti," jelasnya.

Selain itu, beliau menekankan penubuhan Dana Kekayaan Berdaulat yang dicadangkan SUPP pada perhimpunan perwakilan 2020 dan diluluskan oleh kerajaan negeri pada 2023 dengan peruntukan RM8 bilion.

"Dana ini bertujuan mendapatkan simpanan masa depan Sarawak untuk 20 tahun akan datang dan merupakan cadangan daripada kedua-dua parti dan sayap wanita, yang menunjukkan bagaimana penyertaan politik individu boleh menyumbang kepada perubahan positif di Sarawak," tegasnya.

Beliau juga menegaskan bahawa penglibatan semua orang dalam politik menyumbang kepada pembangunan masyarakat, dengan setiap keputusan di tangan mereka berpotensi membentuk nasib Sarawak.

Justeru, Kho menggesa wanita bukan sahaja memahami politik lebih baik daripada sesiapa tetapi juga memaklumkan dan menjelaskan kepada orang lain di mana dana Sarawak digunakan.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pengerusi SUPP Cawangan Bawang Assan Robert Lau, Ketua Jawatankuasa Komuniti dan Pembangunan SUPP Bawang Assan Kaunselor Kevin Lau, Ketua Sayap Wanita SUPP Cawangan Bawang Assan Katherine Wong dan pengerusi pengelola majlis Ngu Yu Yu.



TAJUK : TAK MENGAKU SALAH JUAL VIDEO LUCAH

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 5 MAC 2024

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Tak mengaku salah jual video lucah

Kuala Lumpur: Lelaki tiga anak dikenali 'Hot Daddy' dan dua kekasihnya mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan menjual video lucah, dua bulan lalu.

Tertuduh Hasli Ikhwan Arif Zul Hasli, 32, Norhidayah Mahadi, 24, dan Norshazrina Md Zamri, 27, membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Nurul Izzah Shahrudin.

Bagaimanapun, Hasli Ikhwan dan Norhidayah turut membuat pengakuan sama kerana kesalahan memiliki bahan lucah di depan Hakim Mahkamah Sesyen, Nor Hasniah Ab Razak.

Mengikuti pertuduhan di Mahkamah Majistret, keti-

ga-tiga mereka didapati menjual rakaman video lucah di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7) di Wangsa Maju antara jam 11.47 dan 11.54 malam, pada 15 Januari lalu.

Pertuduhan mengikut Seksyen 292(a) Kanun Keseksan (KK) dan dibaca bersama Seksyen 34 KK yang memperuntukkan hukuman penjara hingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Di Mahkamah Sesyen pula, Hasli Ikhwan dan Norhidayah didakwa dalam milikan bahan lucah bertentangan kesopanan awam ketika berada di pejabat sama, jam 4 petang pada 22 Januari lalu.

Kesalahan mengikut

Seksyen 5 (1) (a) Akta Penapisan Filem 2002 yang membawa hukuman denda antara RM10,000 hingga RM50,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nurilya Ellyna Nor Azmal dan Sheryn Yong Shi Yee, manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Faris Abrar Othman, Moham-med Hissham Ramdzan

dan Nurul Aeir S Muhammad Harvian Kamar.

Nurul Izzah membenarkan jaminan RM4,000 bagi setiap tiga tertuduh itu, manakala Hasli Ikhwan dan Norhidayah masing-masing diikat jamin RM5,000

oleh Nor Hasniah.

Kedua-dua mahkamah menetapkan 22 April ini untuk sebutan semula kes berkenaan.

Pada 26 Januari lalu, Hasli Ikhwan, Norhidayah dan Norshazrina mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Siti Aminah Ghazali atas tuduhan mempromosikan aktiviti seks untuk keuntungan.


Pendakwa mengikut Seksyen 372(1)(e) KK dibaca bersama Seksyen 34 KK yang membawa hukuman penjara hingga 15 tahun, sebatan dan denda jika disabit kesalahan.

Ketiga-tiga individu itu dilaporkan ditahan pada 17 Januari lalu oleh D7 Bukit Aman dalam serbuan di sebuah rumah di Janda Baik, Pahang.

Siasatan polis mendapati suspek menjual video berkenaan dalam aplikasi X dengan harga RM100 dan RM20 masing-masing bagi 200 serta 13 video sebulan.



HASLI Ikhwan Arif Zul Hasli, 32, Norhidayah Mahadi, 24, dan Norshazrina Md Zamri, 27.



TAJUK : HOT DADDY, DUA KEKASIH DIDAKWA JUAL VIDEO LUCAH

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 5 MAC 2024

M/SURAT : 14

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Hot Daddy, dua kekasih didakwa jual video lucah

Kuala Lumpur: Lelaki tiga anak dikenali 'Hot Daddy' dan dua kekasihnya sekali lagi dihadapkan di mahkamah di sini, dengan semalam atas tuduhan menjual video lucah, dua bulan lalu.

Hasli Ikhwan Arif Zul Hasli, 32; Norhidayah Mahadi, 24, dan Norshazrina Md Zamri, 27, mengaku tidak bersalah sejourus pertuduhan dikemuka terhadap mereka di hadapan Majistret, Nurul Izzah Shaharuddin.

Pada masa sama, Hasli Ikhwan dan Norhidayah membuat pengakuan itu kerana kesalahan memiliki bahan lucah di depan Hakim Mahkamah Sesyen, Nor Hasniah Ab Razak.

Mengikut pertuduhan di Mahkamah Majistret, ketiga-tiga mereka didapati menjual rakaman video lucah di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7) di Wangsa Maju, antara jam 11.47 dan 11.54 malam, pada 15 Januari lalu.

Pertuduhan mengikut Seksyen 292(a) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntuk hukuman penjara hingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Di Mahkamah Sesyen pula, Hasli Ikhwan dan Norhidayah didakwa dalam milikan bahan lucah bertentangan kesopanan awam ketika berada di pejabat sama, jam 4 petang pada 22 Januari lalu. Kedua-dua mahkamah menetapkan 22 April untuk sebutan kes.



Hot Daddy, dua teman wanita didakwa lagi

Oleh Faris Fuad - Mac 4, 2024 @ 3:11pm
faris.fuad@bh.com.my



Hasli Ikhwan bersama dua teman wanitanya dituduh di mahkamah, hari ini. - Foto BH

KUALA LUMPUR: Lelaki tiga anak dikenali 'Hot Daddy' dan dua kekasihnya sekali lagi dihadapkan di mahkamah di sini, dengan hari ini atas tuduhan menjual video lucah, dua bulan lalu.

Hasli Ikhwan Arif Zul Hasli, 32; Norhidayah Mahadi, 24, dan Norshazrina Md Zamri, 27, mengaku tidak bersalah sejourus pertuduhan dikemukakan terhadap mereka di hadapan Majistret, Nurul Izzah Shaharuddin.

Pada masa sama, Hasli Ikhwan dan Norhidayah membuat pengakuan itu kerana kesalahan memiliki bahan lucah di depan Hakim Mahkamah Sesyen, Nor Hasniah Ab Razak.

Mengikut pertuduhan di Mahkamah Majistret, ketiga-tiga mereka didapati menjual rakaman video lucah di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsy Gelap (D7) di Wangsa Maju, antara jam 11.47 dan 11.54 malam, pada 15 Januari lalu.

Pertuduhan mengikut Seksyen 292(a) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntuk hukuman penjara hingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Di Mahkamah Sesyen pula, Hasli Ikhwan dan Norhidayah didakwa dalam milikan bahan lucah bertentangan kesopanan awam ketika berada di pejabat sama, jam 4 petang pada 22 Januari lalu.

Kesalahan mengikut Seksyen 5 (1) (a) Akta Penapisan Filem 2002 yang membawa hukuman denda antara RM10,000 hingga RM50,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nurilya Ellyna Nor Azmal dan Sheryn Yong Shi Yee, manakala tertuduh terbabit diwakili peguam, Mohd Faris Abrar Othman, Mohammed Hissham Ramdzan dan Nurul Aeir S Muhammad Harvian Kamar.

Majistret membenarkan jaminan RM4,000 bagi setiap tiga tertuduh itu, manakala Hasli Ikhwan dan Norhidayah masing-masing diikat jamin RM5,000 oleh Nor Hasniah.


Kedua-dua mahkamah menetapkan 22 April ini untuk sebutan semula kes.

Pada 26 Januari lalu, Hasli Ikhwan, Norhidayah dan Norshazrina mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim, Siti Aminah Ghazali, atas tuduhan mempromosi aktiviti seks untuk keuntungan.

Pendakwaan mengikut Seksyen 372(1)(e) Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara hingga 15 tahun, sebatan dan denda jika disabit kesalahan.

Ketiga-tiga individu itu dilaporkan ditahan pada 17 Januari lalu, oleh Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsy Gelap (D7) Bukit Aman dalam serbuan di sebuah rumah di Janda Baik, Pahang.

Siasatan polis mendapati suspek menjual video berkenaan dalam aplikasi X dengan harga RM100 dan RM20 masing-masing bagi 200 serta 13 video sebulan.



Wanita mat salih dikecam, dakwa diganggu 50 lelaki tempatan ketika berjalan di KL

Oleh KOSMO! 5 Mac 2024, 12:54 am



Gambar hiasan.

PETALING JAYA – Seorang bekas wartawan warga asing mendakwa, wanita berkulit putih tidak selamat berada di Kuala Lumpur dan berpotensi dicabul bagi setiap dua minit jika berada di bandar berkenaan.

Dakwaan itu dibuat susulan kisah tular pasangan pelancong asing yang bukan sahaja dipukul, malah teman wanitanya juga dirogol bergilir-gilir ketika berada di India.

"India bukan satu-satunya tempat seperti ini. Seorang wanita kulit putih yang berjalan melalui Kuala Lumpur boleh menjangkakan payudaranya diraba kira-kira setiap dua minit," katanya menerusi satu ciapan di aplikasi X.

Dia kemudiannya 'berkongsi' pengalaman berdepan dengan 50 lelaki yang dikatakan cuba meraba dirinya ketika sedang berjalan dari Central Market ke Shangri-La, di ibu kota.

Katanya lagi, dia pernah tinggal di Kuala Lumpur selama lapan tahun dan sentiasa diganggu begitu, sama seperti rakan wanitanya lain yang juga berkulit putih.

Susulan itu katanya, dia berpindah ke Singapura dan mula bawa payung besar serta memukul sesiapa sahaja yang memegang buah dadanya.

Wanita berkenaan terus bertegas dengan dakwaannya itu apabila orang ramai mula mempertikaikan pendedahan dibuat yang dianggap tidak berasas.

"Berjalan kaki dari Central Market ke Shangri-La pada suatu hari lalu lintas sangat teruk, saya memukul kira-kira 50 lelaki semuanya Melayu, cuba mencapai payudara saya. Ketika itu saya sedar, saya kena pindah.

"Saya membawa kepada pemimpin politik paling kanan mengatakan ia adalah PR buruk untuk bandar. Mereka yang mempunyai nama ketawa.


"Ia bukan rogol tetapi ia adalah serangan seksual. Negara yang baik akan mendakwa (kes berkenaan)," tambahnya.

Rata-rata orang ramai tidak berpuas hati dan membidas dakwaan wanita berkenaan.

"Jika itu benar-benar berlaku, kenapa anda tidak membuat sebarang laporan polis? Satu laporan polis pun tak buat?" soal seorang pengguna.

"Ini mengarut. Saya tinggal di Kuala Lumpur hampir empat tahun dan perkara ini tidak pernah berlaku kepada saya atau mana-mana rakan saya," bidas Nomad Australia.

"Jujurnya saya tidak boleh katakan Malaysia negara paling selamat di dunia, tetapi adalah mustahil untuk mempunyai 50 lelaki cuba bertindak sedemikian dalam jarak berjalan yang singkat," komen Hayashi. – KOSMO! ONLINE



TAJUK : PENGASUH SEBABKAN KEMATIAN KANAKKANAK DIDENDA RM10,000

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 5 MAC 2024

M/SURAT : 01&02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pengasuh sebabkan kematian kanak-kanak didenda RM10,000

SIBU: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM10,000 atau penjara dua tahun ke atas seorang pengasuh kanak-kanak yang meninggalkan seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun di dalam kereta sehingga menyebabkan kematiannya.

Majistret Flavian Edward Henry menjatuhkan hukuman itu selepas Nurul Fatirah Sazali, 28, dari Kampung Bungin, Spaoh, mengaku bersalah atas pertuduhan mengikut Seksyen 33(b) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana membiarkan Fateen Naziatul Azyan Zaid tanpa pengawasan munasabah yang membawa kepada kematiannya akibat strok haba setelah terperangkap dalam kenderaan.

Dia melakukan kesalahan itu pada 30 Mac tahun lepas kira-kira jam 1.10 petang di tempat letak kereta Kilang Gergaji Tiong Guang di Jalan Chew Kung, Empawah di sini.

Kesalahan itu boleh dihukum mengikut Seksyen 33 akta sama yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh melakukan khidmat masyarakat selama 36 jam dalam tempoh enam bulan dari tarikh sabitan.

Berdasarkan fakta pertuduhan kes, mangsa disahkan meninggal dunia pada jam 7.46 malam pada 30 Mac 2023 oleh pegawai perubatan di Hospital Sibu selepas ditinggalkan dalam kereta selama kira-kira lima jam pada hari kejadian.

Tertuduh ditahan susulan laporan polis yang dibuat oleh bapa saudara mangsa.

Pengasuh sebabkan kematian kanak-kanak didenda RM10,000

► Dari Muka 1

Siasatan polis mendapat itertuduh meninggalkan mangsa di dalam kereta kira-kira jam 11.30 pagi dan meneruskan tugas hariannya.

Ibu mangsa menyedari mangsa tiada di rumah ketika pulang dari kerja.


Kemudian ibu mangsa memeriksa kereta dan mendapati kanak-kanak itu tidak

bergerak lalu dikejarkan ke Hospital Sibu.

Hasil bedah siasat yang dijalankan ke atas mangsa mendapati mangsa telah meninggal dunia akibat strok haba.

Pendakwaan dijalankan oleh Inspektor Kumareswaran Murugan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Tertuduh membayar denda tersebut dan dibenarkan bebas.



Pengasuh sebabkan kematian kanak-kanak didenda RM10,000

© 2024-03-04T17:51:59+08:00



SIBU: Mahkamah Majistret di sini, hari ini menjatuhkan hukuman denda RM10,000 atau penjara dua tahun ke atas seorang pengasuh kanak-kanak yang meninggalkan seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun di dalam kereta sehingga menyebabkan kematiannya.

Majistret Flavian Edward Henry menjatuhkan hukuman itu selepas Nurul Fatirah Sazali, 28, dari Kampung Bungin, Spaoh, mengaku bersalah atas pertuduhan mengikut Seksyen 33(b) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana membiarkan Fateen Naziatul Azyan Zaid tanpa pengawasan munasabah yang membawa kepada kematiannya akibat strok haba setelah terperangkap dalam kenderaan.

Dia melakukan kesalahan itu pada 30 Mac tahun lepas kira-kira jam 1.10 petang di tempat letak kereta Kilang Gergaji Tiong Guang di Jalan Chew Kung, Empawah di sini.

Kesalahan itu boleh dihukum mengikut Seksyen 33 akta sama yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh melakukan khidmat masyarakat selama 36 jam dalam tempoh enam bulan dari tarikh sabitan.

Berdasarkan fakta pertuduhan kes, mangsa disahkan meninggal dunia pada jam 7.46 malam pada 30 Mac 2023 oleh pegawai perubatan di Hospital Sibu selepas ditinggalkan dalam kereta selama kira-kira lima jam pada hari kejadian.

Tertuduh ditahan susulan laporan polis yang dibuat oleh bapa saudara mangsa.

Siasatan polis mendapati tertuduh meninggalkan mangsa di dalam kereta kira-kira jam 11.30 pagi dan meneruskan tugas hariannya.


Ibu mangsa menyedari mangsa tiada di rumah ketika pulang dari kerja.

Kemudian ibu mangsa memeriksa kereta dan mendapati kanak-kanak itu tidak bergerak lalu dikejarkan ke Hospital Sibu.

Hasil bedah siasat yang dijalankan ke atas mangsa mendapati mangsa telah meninggal dunia akibat strok haba.

Pendakwaan dijalankan oleh Inspektor Kumareswaran Murugan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Tertuduh membayar denda tersebut dan dibenarkan bebas.



TAJUK : DIPENJARA 69 TAHUN, DENGAN 20 SEBATAN

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 5 MAC 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

PEKERJA KONTRAK CABUL ANAK ANGKAT

Dipenjara 69 tahun, dengan 20 sebatan

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Muar

“Masa kamu (tertuduh) buat (rogol dan cabul), tak fikir ke isteri, anak-anak? Isteri kamu tengah sarat tapi kamu cari (melakukan) hubungan terlarang termasuk dengan emak mangsa.”

Demikian teguran Hakim Mahkamah Sesyen sebelum menjatuhkan hukuman penjara 69 tahun dan 20 sebatan terhadap seorang pekerja kontrak yang mengaku bersalah merogol dan mencabul anak angkatnya sejak tiga tahun lalu, semalam.

Tertuduh berusia 33 tahun berhadapan lima pertuduhan dengan empat daripadanya membabitkan kes rogol manakala satu amang seksual fizikal, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Ketika prosiding menjatuhkan hukuman, isteri tertuduh yang menunggu hari bersalin serta adik perempuannya kelihatan menitikiskan air mata.

Sebelum menjatuhkan hukuman, Abu Bakar memberitahu, mahkamah hanya mempertimbangkan pengakuan salah tertuduh dan faktor lain lebih kepada pemberatan hukuman berdasarkan kesalahan dilakukan tertuduh.

“Kes seumpama ini adalah memberi keutamaan kepada mangsa berbanding kamu, kerana kesan dialami atas perbuatan ini. Kes ini masih banyak, kadang-kadang saya tidak faham kenapa ia masih berlaku” katanya.

Mengikut pertuduhan pertama hingga kedua, dia

didakwa merogol dan mencabul mangsa dalam kereta diparkir di sebuah kebun sawit di Serom, Tangkak dengan kedua-dua kejadian berlaku jam 8.40 hingga 9 malam, pada 15 Januari 2024.

Bagi kesalahan ini, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) kanun sama, iaitu penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan serta Seksyen 14 (b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 yang dibaca bersama Seksyen 14 akta sama bagi setiap pertuduhan.

Pertuduhan ketiga hingga kelima pula, dia didakwa merogol mangsa yang ketika itu berusia 12 tahun di tiga rumah berlainan di Muar sejak 2021 sehingga 2022.

Ketiga-tiga pertuduhan

ini, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 16 (1) AKKSTKK 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara 20 tahun dan sebatan bagi setiap pertuduhan.

Manakala Seksyen 16 (1) pula, tertuduh boleh dikenakan hukuman tambahan iaitu penjara sehingga lima tahun dan sebatan tidak kurang dua kali bagi setiap pertuduhan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu setiap sekali sebulan ketika ibu dan adik-beradik kanak-kanak itu berada di luar rumah.

Kejadian itu disedari

nenek mangsa sebelum membuat laporan polis. Dua kejadian berlaku di Tangkak manakala tiga lagi berlaku di daerah ini.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Tertuduh dalam rayuannya memohon mahkamah menjatuhkan hukuman ringan kerana perlu menanggung dua anak dan isteri sarat anak ketiga serta ahli keluarga manakala pihak pendakwaan memohon dikenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dan empat sebatan bagi pertuduhan pertama; tiga tahun, satu sebatan (kedua); manakala pertuduhan ketiga hingga kelima, masing-masing 15 tahun dan tiga sebatan bagi setiap pertuduhan.

Hukuman tambahan bagi Seksyen 16 (1) pula, mahkamah menjatuhkan penjara dua tahun dan dua sebatan bagi setiap pertuduhan.

Hukuman seksyen ini berjalan sebagai hukuman kesalahan terdahulu selesai. Semua hukuman penjara berjalan serentak bermula daripada tarikh tertuduh ditahan pada 16 Januari 2024.

Ini bermakna, tertuduh hanya perlu menjalani hukuman penjara 21 tahun dan 20 sebatan.

Mahkamah juga mengarahkan tertuduh menjalani pengawasan polis dua tahun sebaik selesai menjalani semua hukuman selaras dengan peruntukan Seksyen 27 AKKSTKK.



TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar.
- Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

Pekerja kontrak dipenjara 69 tahun, 20 sebatan rogol, cabul anak angkat

Oleh Alias Abd Rani - Mac 4, 2024 @ 2:09pm
bhnews@bharian.com.my



Tertuduh didakwa lima pertuduhan rogol, cabul dan amang seksual terhadap anak angkat di Mahkamah Sesyen Muar hari ini. - Foto Alias Abd Rani

MUAR: "Masa kamu (tertuduh) buat (rogol dan cabul), tak fikir ke isteri, anak-anak? Isteri kamu tengah sarat tapi kamu cari (melakukan) hubungan terlarang termasuk dengan emak mangsa."

Demikian teguran Hakim Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, sebelum menjatuhkan hukuman penjara 69 tahun dan 20 sebatan terhadap seorang pekerja kontrak yang mengaku bersalah merogol dan mencabul anak angkatnya sejak tiga tahun lalu.

Tertuduh berusia 33 tahun berhadapan lima pertuduhan dengan empat daripadanya membabitkan kes rogol manakala satu amang seksual fizikal, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Ketika prosiding menjatuhkan hukuman, isteri tertuduh yang sedang menunggu hari bersalin serta adik perempuannya kelihatan menitikiskan air mata.

Sebelum menjatuhkan hukuman, Abu Bakar memberitahu, mahkamah hanya mempertimbangkan pengakuan salah tertuduh dan faktor lain lebih kepada pemberatan hukuman berdasarkan kesalahan dilakukan tertuduh.

"Kes seumpama ini adalah memberi keutamaan kepada mangsa berbanding kamu, kerana kesan dialami atas perbuatan ini. Kes ini masih banyak, kadang-kadang saya tidak faham kenapa ia masih berlaku" katanya.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didakwa merogol dan mencabul mangsa dalam kereta diparkir di sebuah kebun sawit di Serom, Tangkak antara jam 8.40 hingga 9 malam, pada 15 Januari lalu.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) kanun sama, iaitu penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan serta Seksyen 14 (b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 yang dibaca bersama Seksyen 14 akta sama bagi setiap pertuduhan.

Pertuduhan ketiga hingga kelima pula, dia didakwa merogol mangsa yang ketika itu berusia 12 tahun di tiga rumah berlainan dalam daerah Muar sejak 2021 sehingga 2022.

Ketiga-tiga pertuduhan ini, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 16 (1) AKKSTKK 2017, yang memperuntukan hukuman penjara 20 tahun dan juga sebatan bagi setiap pertuduhan.

Manakala Seksyen 16 (1) pula, tertuduh boleh dikenakan hukuman tambahan iaitu penjara sehingga lima tahun dan sebatan tidak kurang dua kali bagi setiap pertuduhan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu setiap sekali sebulan ketika ibu dan adik beradik kanak-kanak itu berada di luar rumah.

Kejadian itu disedari nenek mangsa sebelum membuat laporan polis. Dua kejadian berlaku di Tangkak manakala tiga lagi berlaku di dalam daerah ini.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Tertuduh dalam rayuannya memohon mahkamah menjatuhkan hukuman paling ringan kerana perlu menanggung dua anak dan isteri sarat anak ketiga serta ahli keluarganya manakala pihak pendakwaan memohon agak dikenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dan empat sebatan bagi pertuduhan pertama; tiga tahun, satu sebatan (kedua); manakala pertuduhan ketiga hingga kelima, masing-masing 15 tahun dan tiga sebatan bagi setiap pertuduhan.

Hukuman tambahan bagi Seksyen 16 (1) pula, mahkamah menjatuhkan penjara dua tahun dan dua sebatan bagi setiap pertuduhan.

Semua hukuman penjara berjalan serentak bermula dari tarikh tertuduh ditahan pada 16 Januari lalu.

Mahkamah juga mengarahkan tertuduh menjalani pengawasan polis dua tahun sebaik selesai menjalani semua hukuman selaras dengan peruntukan Seksyen 27 AKKSTKK.